



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

AGENDA 9.0: PELUANG PENAMBAHBAIKAN (QMS & ISMS)

**MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN
(MKSP) ISO TAHUN 2024**

19 SEPTEMBER 2024 | 2.00 PETANG | DEWAN SENAT, BANGUNAN
CANSELORI PUTRA

Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan





10.3 Penambahbaikan berterusan

Organisasi hendaklah secara berterusan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

Organisasi hendaklah mengambil kira keputusan analisis dan penilaian, dan output daripada kajian semula pengurusan, bagi menentukan jika terdapat keperluan atau peluang yang sepatutnya ditangani sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan.

Penambahbaikan berterusan dilaksanakan berdasarkan **keperluan Standard** Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) **ISO 9001:2015** **klausa 10.3** dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) **ISO/IEC 27001:2013** **klausa 10.2** serta perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi **Klausa 9.3**.

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
1.	Naratif VC 2023 (7 Ikhtiar) [Pejabat Naib Canselor]	RUJUK LAMPIRAN		
2.	True North UPM [Pejabat Naib Canselor]	1) Perkhidmatan Menjangkau Jangkaan 2) Penyelidikan Relevan dan Berimpak Tinggi 3) Pengukuhan Komuniti 4) Pengalaman Pembelajaran dan Kehidupan Terbaik 5) Pemerkasaan Industri 6) Kesohoran Peringkat Global	24 Januari 2024	True North UPM
3.	Memposisikan UPM Melalui Keterjaminan Makanan [Pejabat Naib Canselor]	1) Pelancaran PUTRA 2) Karnival Keterjaminan Makanan 3) Nexus Keterjaminan Makanan IPT 4) Playbook PTJ 5) Asean University Network (AUN) 6) SEARCA	1) 16 Mei 2024 2) 7 Jun 2024 3) 4 Julai 2024 4) Minggu ke-3 November	Memposisikan UPM Melalui Keterjaminan Makanan
4.	Transformasi Pelantikan (dissect) [Pejabat Naib Canselor]	1) Pengurusan governan bagi pelantikan jawatan pentadbiran UPM telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti ke-904 2) Bengkel Teambuilding Ketua-Ketua PTJ 3) Sesi pembentangan perancangan tindakan 2024 oleh ketua PTJ entiti di bawah Pejabat Naib Canselor 4) Tambah baik struktur jawatankuasa LPU dan dikategorikan semula untuk menjadikan jawatankuasa lebih efektif telah luluskan dalam Mesyuarat LPU ke-176 bertarikh 6 Februari 2024	1) 10 Januari 2024 2) 26-28 Julai 2024 3) 4 Julai 2024	Transformasi Pelantikan (dissect)

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
5.	Transformasi Pengurusan Mesyuarat Pegawai Kanan [Pejabat Naib Canselor]	Perubahan nama mesyuarat daripada Mesyuarat Pegawai Kanan kepada Mesyuarat Ketua PTJ dan juga keahlian Mesyuarat Ketua PTJ telah diluluskan dalam Mesyuarat JPU ke-924	30 Mei 2024	
6.	Cadangan Pengurusan Perniagaan dan Pendanaan [Pejabat Naib Canselor]	1) Memantapkan pengurusan Endowmen UPM dengan penubuhan Unit Interim EndowmentT (UIE) di bawah Pejabat Naib Canselor dan telah diluluskan dalam Mesyuarat JPU ke-913 bertarikh 21 Feb 2024 2) Memantapkan pengurusan perniagaan dan pendanaan universiti melalui perluasan skop dan mengangkat UIE menjadi Center of Enrichment and Prosperity (CEP) 3) Mewujudkan satu agenda khas dalam Mesyuarat JPU yang mengkhususkan perbincangan dan memperaku cadangan berkaitan perniagaan dan pendanaan universiti yang dinamakan sebagai agenda mesyuarat JPU Pendanaan dan Perniagaan (JPU-PP) yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.	1) 2 Januari 2024 2) 7 Ogos 2024 3) 7 Ogos 2024	
7.	Pengukuhan Governan HSAAS. [Pejabat Naib Canselor]	Pelaksanaan beberapa siri Bengkel dan Taskforce: 1) Cadangan Penstrukturan Semula dan Penyelarasan Hala Tuju HSAAS-FPSK 2024 2) Bengkel Pasca Pelan Strategik HSAAS-FPSK	1) 31 Julai 2024 2) 12 September 2024	

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
8.	Pelaksanaan Transformasi Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi – <i>Research Framework</i> UPM <i>[Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi]</i>	Transformasi Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi UPM telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat ke-732 pada 13 Jun 2024 mengenai cadangan <i>Research Framework</i> yang akan digunapakai oleh penyelidik dari Fakulti dan Institut di UPM. <i>Research Framework</i> ini bersifat menyeluruh (<i>University Driven & Faculty/Institute Driven</i>) dan melangkaui Transdisiplin yang terdapat di PTJ.	13 Jun 2024	Telah dilaksanakan

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
9.	MEMPERHEBAT PENDIGITALAN KAMPUS [Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]	Pemerkasaan penggunaan ICT dalam penyampaian PdP termasuk menggalakkan pewujudan lebih banyak <i>Putra Hybrid Classroom</i>. Pelaksanaan transformasi pendigitalan dalam pengurusan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada warga kampus. Mentransformasi UPM Net kepada <i>wireless campus</i> Memperluaskan liputan Putra®Premium	a) <u>Pembangunan SMP4.0</u> Status Fasa Pertama : 48% Sasaran Q4 2024 : 60% b) <u>Putra®Smart Classroom</u> Sedang dilaksanakan c) <u>Putra®VDI</u> Sedang dilaksanakan d) <u>Putra®ODL</u> Status: 100% e) <u>HR Portal</u> Status Pembangunan Fasa 3: 100% f) <u>Smart Putra®Q</u> Status Pelaksanaan: i-PUTRA (100%), SGS (70%) g) <u>Putra®JOHAN</u> Status Pembangunan: 80% h) <u>Putra®Meeting</u> Status Pembangunan: 50% i) <u>Putra®Access</u> Status Pembangunan: 100% j) <u>Research Data Repository</u> Status Pembangunan: 100% k) <u>Putra®Net</u> Status Fasa 2: 100% l) <u>Putra®Premium</u> Status: 100%	a) Fakulti Pengajian Pendidikan (IIOENC) – 100% b) Masjid UPM – 60% a) Fakulti Sains (60%) b) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (20%) a) Pembangunan Platform ODL b) Ketersediaan Data SMP c) Ketersediaan Data iGIMS Perluasan liputan Putra®Premium untuk kemudahan UPM Kampus Bintulu.

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
10.	Sistem Universiti yang Dikonsolidasikan Menjadi Sistem Bersepadu <i>Sistem bersepadu (integrated system) adalah satu sistem yang menggabungkan pelbagai komponen atau sub-sistem yang berbeza ke dalam satu sistem utama yang mengikut fungsi bisnes.</i> [Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]	Peratus kemajuan pembangunan sistem bersepadu yang didasarkan bagi tahun semasa adalah bagi sistem berikut: a) Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (Putra SIMS) b) Portal Sumber Manusia (HR Portal) c) Sistem Bersepadu Pentadbiran dan Sokongan UPM (Putra ASIS) d) Sistem Pengurusan Sokongan dan Pentadbiran HSAAS (Putra SAMS)	Sasaran 2024 : 80%	Konsolidasi sub sistem mengikut skop bisnes bagi tahun 2024 adalah: i. I-Amanah – Putra Asis (100%) ii. Putraenroll – Putra SIMS (40%) iii. edaftarsmp – Putra SIMS (40%) iv. Security & Services System (SSS) – Putra SAMS (60%) v. Incident Reporting - PutraSAMS (90%)
11.	Pelaksanaan Single Sign On [Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]	Pelaksanaan capaian kepada pelbagai sistem aplikasi dan akses rangkaian dengan menggunakan UPM ID yang dilaksanakan melalui <i>Single Sign On</i> secara berfasa: Fasa 1 : Pemantapan inventori sistem rasmi universiti. Fasa 2 : Penggunaan UPM-ID ke atas sistem rasmi universiti. Fasa 3 : Pembangunan pelaksanaan <i>Single Sign On</i> merentas sistem rasmi universiti. Fasa 4 : Pelaksanaan <i>Single Sign On</i> sepenuhnya.	i. Fasa 1 : sasaran Q4 2024 ii. Fasa 2 : sasaran Q4 2024 iii. Fasa 3 : sasaran Q4 2025 iv. Fasa 4 : sasaran Q4 2026	

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
12.	Proses baharu yang didigitalkan <i>[Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]</i>	Pendigitalan proses manual ditukarkan kepada bentuk digital yang digunajana oleh warga UPM melalui perkhidmatan ICT.	Telah mula dilaksanakan pada 2023. Sasaran 2024 : i. Pendigitalan Keluar/ Masuk Kolej Kediaman. ii. Permohonan Data Permohonan Pengurusan API.	
13.	Ketersediaan infrastruktur rangkaian dan server UPM <i>[Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]</i>	a) Ketersediaan rangkaian ICT di seluruh universiti (UPMNet di PTJ dan KolejNet di Kolej Kediaman UPM Serdang). a) Kebolehcapaian sistem utama yang disediakan.		Sistem utama: a) UPM-ID b) WEB UPM c) PUTRA FINANCE d) SMP e) iGIMS f) e-IHRAMS/HRPortal g) PRIMS h) PUTRA HIS3331
14.	Kemajuan Pembangunan Dashboard Data Strategik Universiti <i>[Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]</i>	Pembangunan platform <i>Business Intelligence</i> (BI) universiti untuk menyokong pembuatan keputusan pengurusan dan pentadbiran universiti. Pembangunan adalah berdasarkan kepada 8 kluster: a) Kluster Akademik dan Antarabangsa b) Kluster Penyelidikan dan Inovasi c) Kluster Hal Ehwal Pelajar Alumni d) Kluster Jaringan Industri & Masyarakat e) Kluster Kewangan f) Kluster Sumber Manusia g) Kluster Perpustakaan h) Kluster Korporat	Telah bermula pada 2023. Sasaran 2024 : 80% siap (analisis deskriptif)	

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
15.	Pembangunan Rangka Kerja Enterprise Architecture (EA) EA merupakan satu pendekatan rekabentuk ekosistem organisasi yang menggambarkan sistem kerja organisas. Ia melibatkan interaksi antara elemen merangkumi struktur, proses, perkhidmatan, sumber, aplikasi dan teknologi yang diatur untuk mencapai matlamat organisasi. [Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi]	Pembangunan EA adalah berdasarkan 7 fasa: - Persediaan Awal - Penentuan Skop - Kelulusan Projek - Pembangunan Peringkat 1 - Pembangunan Peringkat 2 - Pembangunan Peringkat 3 - Penamatan Projek	Akan bermula September 2024	Pembangunan ini akan mengikuti metodologi MyGovEA.
16.	Semakan semula Garis Panduan (GP) Permohonan Pekerjaan Luar. [Pejabat Pendaftar]	- Penubuhan Jawatankuasa Semakan Semula GP yang dipengerusikan oleh Pendaftar, UPM. - Mengadakan bengkel bersama Jawatankuasa bagi menyemak semula garis panduan sedia ada. - Mendapatkan GP daripada Universiti Awam lain untuk dijadikan panduan. - Menyediakan kertas cadangan pindaan GP kepada pihak JPU.	Diluluskan oleh JPU bulan Disember 2024	Memastikan perincian jenis-jenis pekerjaan luar, proses permohonan dan tindakan pemantauan dapat dilaksanakan oleh semua PTJ.
17.	Menambahbaik proses permohonan pelantikan staf akademik melalui pembangunan Sistem e-Jobs. [Pejabat Pendaftar]	- Mendapatkan kelulusan pembangunan sistem daripada iDEC. - Permohonan telah diluluskan pada bulan Februari 2024. - Sistem sedang dibangunkan oleh iDEC dan dijangka siap pada hujung tahun 2025.	Januari 2026	

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
18.	Menambahbaik proses kenaikan pangkat staf akademik dan bukan akademik melalui pembangunan sistem. [Pejabat Pendaftar]	1. Mendapatkan kelulusan pembangunan sistem daripada iDEC. 2. Permohonan telah diluluskan pada bulan Februari 2024. 3. Sistem sedang dibangunkan oleh iDEC dan dijangka siap pada hujung tahun 2025.	Januari 2026	
19.	Menambahbaik kriteria kenaikan pangkat Pegawai P&P Bukan Akademik. [Pejabat Pendaftar]	1. Bengkel pertama semakan kriteria kenaikan pangkat telah diadakan pada bulan 4 Jun 2024. 2. Bengkel kedua telah diadakan pada 13 Ogos 2024. 3. Bengkel Simulasi akan diadakan pada bulan Oktober 2024.	Januari 2025	
20.	Menambahbaik kriteria kenaikan pangkat Pegawai Akademik. [Pejabat Pendaftar]	Kriteria ditambah baik bagi memberikan lebih banyak kesetaraan dan lebih memudahkan kakitangan akademik mencapai kriteria minimum.	Januari 2024	
21.	Membangunkan norma perjawatan Skim C bagi mendapatkan formula permohonan jawatan, penempatan dan kenaikan pangkat Skim C. [Pejabat Pendaftar]	Telah diluluskan oleh JPU pada bulan Disember 2022.	Pelaksanaan pada bulan September 2023.	
22.	Menambahbaik Garis Panduan dan Surat Tawaran Kursus Pengkhususan / Program Diploma Lanjutan (Pos Basik). [Pejabat Pendaftar]	1. Membuat semakan dengan Garis Panduan Pelaksanaan Program Lanjutan Kementerian Kesihatan Malaysia Versi 2024. 2. Mengadakan semakan pemurnian garis panduan bersama Pejabat Penasihat Undang-Undang. 3. Menyediakan kertas cadangan pindaan penambahbaikan GP kepada pihak JKL dan JPU.	Ogos 2024	

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
23.	Membangunkan Garis Panduan Sangkutan Dalaman dan Garis Panduan Program <i>Shadowing</i> . [Pejabat Pendaftar]	- Garis Panduan Sangkutan Dalaman dan Garis Panduan Program <i>Shadowing</i> telah dibina dan dalam proses pemurnian. - Menyediakan kertas cadangan untuk sokongan/pengesahan Mesyuarat JK Pepandu Pelan Penggantian.	Pelaksanaan bermula 2024	
24.	Mengemaskini Kamus Kompetensi UPM dengan mengambil kira kompetensi terkini (cth: kepintaran digital dan kepintaran kewangan/perniagaan). [Pejabat Pendaftar]	- Mewujudkan <i>task force</i> untuk membantu dalam usaha mengemaskini Kamus Kompetensi UPM. - Melaksanakan beberapa siri penanda aras ke Universiti Awam yang telah mempunyai Kamus Kompetensi yang kukuh (UMS, UTeM, UTM, UMPSA dan UKM). - Mengadakan beberapa siri bengkel pengemaskinian kamus dengan penglibatan dari kalangan pegawai berpengalaman, pegawai muda dan ketua skim.	Pelaksanaan bermula 2024	
25.	Membangunkan Peraturan/Panduan Mendiami Kwarters Universiti Putra Malaysia. [Pejabat Pendaftar]	- Peraturan/Panduan Mendiami Kwarters UPM diluluskan JPU pada 13 September 2023. - Kadar caj air (RM25/bulan) dan deposit RM1000 diperakukan oleh JPU pada 21 Februari 2024. - Kadar caj air (RM25/bulan) dan deposit RM1000 untuk penghuni baharu dan sedia ada diluluskan oleh JKTK pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa mulai Januari 2025. - Peraturan/Panduan Mendiami Kwarters UPM yang dibangunkan bagi menambah baik kriteria berikut: - Penstrukturan semula penghuni kuarters yang mendiami Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan berdasarkan kepentingan tugas dan keperluan berada di dalam Kampus UPM; - Penetapan kadar bayaran deposit mendiami kuarters UPM; - Penetapan kadar bayaran utiliti (air) bagi penghuni kuarters; - Penetapan kuota penghuni kuarters mengikut PTJ yang berkepentingan untuk mendiami kuarters; - Menambah baik syarat-syarat permohonan mendiami kuarters; - Menambahbaik kriteria pemilihan menduduki Rumah Biasa Kerajaan (Sewaan); dan - Menambahbaik tempoh menduduki kuarters. Semua permohonan akan disaring di peringkat Jawatankuasa Teknikal Perumahan Universiti.	Januari 2025	Akan dilaksanakan

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
26.	Mewujudkan Jawatankuasa Pengesahan Penilaian Kompetensi Staf UPM selari dengan matlamat 5 di bawah Pelan Strategik UPM 2021 - 2025 bertujuan memperkukuhkan tadbir urus. [Pejabat Pendaftar]	1. Kertas cadangan akan disediakan untuk dibentangkan dalam dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pepandu Pelan Penggantian terdekat. 2. Tujuan penubuhan JK adalah untuk memastikan ulasan dan penilaian kompetensi pegawai yang telah selesai dinilai sama ada oleh penilai dalaman UPM atau penilai luar adalah sesuai dan mengikut rujukan sedia ada (kamus kompetensi). 3. Mencadangkan progam latihan/pembangunan yang bersesuaian kepada staf yang dikenalpasti mempunyai jurang kompetensi dan mengesahkan nama yang sesuai berada dalam kelompok bakat berdasarkan skor penilaian kompetensi yang memenuhi/melempi tahap.	2025	Sedang dalam tindakan
27.	Mewujudkan sistem Bank Soalan Peperiksaan dan Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan Bagi Tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Secara Atas Talian. [Pejabat Pendaftar]	1. Dokumen Pra Keperluan telah dihantar kepada Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi untuk tujuan pembangunan Sistem. 2. Siri perbincangan keperluan pembangunan sistem telah diadakan pada 28 Ogos 2024 dan akan diteruskan bergantung kepada keperluan. 3. Cadangan ujian UAT sistem akan diadakan secara berperingkat bermula Nov 2024.	Siri 1/2025	Sedang dalam tindakan
28.	Pelaksanaan Pengurusan Rekod Universiti Putra Malaysia Melalui <i>Digital Document Management System</i> (DDMS) 2.0. [Pejabat Pendaftar]	1. Beberapa siri bengkel bersama peneraju proses bagi kod 600 (Pengurusan Akademik), 700 (Pengurusan Hal Ehwal Pelajar) dan 800 (Penyelidikan dan Inovasi) telah diadakan bagi mengemaskini klasifikasi fail UPM. 2. Klasifikasi Fail UPM telah dihantar ke Arkib Negara Malaysia untuk disemak dan diperakukan sebelum pelaksanaan pengurusan rekod melalui sistem DDMS secara sepenuhnya pada tahun 2025. 3. Latihan penggunaan sistem akan diadakan kepada staf berkaitan setelah klasifikasi fail diperakukan oleh Arkib Negara Malaysia.	2025	Sedang dalam tindakan

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
29.	Mewujudkan Jawatankuasa Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) Staf UPM selari dengan Matlamat 5 di bawah Pelan Strategik UPM 2021 - 2025 bertujuan memperkukuhkan tadbir urus. [Pejabat Pendaftar]	1. Kertas cadangan telah disediakan dan sedang menunggu untuk kelulusan JPU. 2. JK PDP Staf akan dibahagikan kepada 3 kategori iaitu : i. JK PDP Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana ii. JK PDP Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik) iii. JK PDP Staf Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) 3. Tujuan penubuhan JK PDP adalah memastikan proses pengesahan dalam perkhidmatan staf dibuat dengan teratur mengikut peraturan berkuatkuasa dan sekiranya memerlukan pelanjutan tempoh percubaan staf perlu disokong dengan fakta dan dokumen sokongan. 4. Mencadangkan penamatan perkhidmatan staf yang gagal disahkan dalam perkhidmatan atas sebab tatatertib atau pelanggaran tatakelakuan di bawah Akta 605.	Oktober 2024	Sedang dalam tindakan
30.	Menambahbaik pemerksaan kesedaran kesihatan mental dalam kalangan staf UPM menerusi siri taklimat. [Pejabat Pendaftar]	1. Mengambil maklum cadangan Jawatankuasa Induk Pengendalian Tatacara Piawaian Kes Kesihatan Mental UPM untuk mengadakan taklimat kepada staf dan bakal pesara berkenaan pengurusan kredit. 2. Taklimat celik kewangan bagi pra persaraan.	Oktober 2024	Sedang dalam tindakan

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/ Tempoh Pelaksanaan	Catatan
31.	Memperteguh Sumbangan dalam Pertanian dan Keterjaminan Makanan.	Rancangan Pertanian Putra (RPP)	1 November 2023 – 30 November 2024	Rancangan Pertanian Putra (RPP) telah ditukarkan nama kepada Program Pembangunan Agropreneur Muda (PROBEST). Telah dijalankan mulai 1 November 2023 hingga kini. Sebanyak 3 modul telah dijalankan iaitu Modul Tanaman Cili, Modul Tanaman Melon dan Modul Ternakan Puyuh. Seramai 25 pelajar Asnaf UPM terlibat dalam program ini.
32.	[Pusat Pertanian Putra]	PUTRA-PERHEBAT	1 November 2023 – 30 November 2027	1) Program Keusahawanantani PUTRA-PERHEBAT telah dilaksanakan secara rasmi dengan menandatangani kerjasama (MoU) antara Agensi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Pusat Pertanian Putra bagi tempoh selama 5 tahun. 2) Tempoh latihan Program Keusahawanantani PUTRA-PERHEBAT adalah selama 6 bulan yang akan dijalankan di UPM bagi setiap sesi pendaftaran kemasukan. 3) Kawasan yang terlibat dalam menjalani program ini adalah Unit Sayuran, Unit Agroteknologi, Unit Nanas & Jagung, Unit Puyuh, Unit Itik, Unit Pedaging dan Bahagian Ladang Bersepadu Puchong. 4) Pada tahun 2023-2024 telah melalui tiga (3) sesi kemasukan. Sesi kemasukan pertama seramai 20 orang, sesi kedua seramai 30 orang dan sesi ketiga 22 orang. Jumlah peserta ialah 72 orang.

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Tarikh/Tempoh Pelaksanaan	Catatan
1.	Peralihan standard baharu ISO/IEC 27001:2022 <i>[Pusat Jaminan Kualiti]</i>	✓ Tindakan pelaksanaan peralihan merangkumi pengemaskinian: a) Dokumen rujukan pelaksanaan ISMS UPM b) Dasar ISMS UPM c) Polisi Keselamatan Siber (jika berkaitan) d) Penyata Pemakaian (SoA) e) Risiko ISMS f) Struktur Organisasi & Surat Lantikan g) Prosedur/Garis Panduan ISO yang berkaitan h) Pihak Berkepentingan ISMS i) Kaedah Penilaian Risiko ISMS ✓ Latihan/Bengkel ISMS kepada Peneraju ISMS (termasuk bengkel pemurniaan dokumen, penilaian risiko dan yang berkaitan) ✓ Kursus Juruaudit Dalaman ISMS (ISO/IEC 27001:2022) – Penceramah dari INTAN ✓ Kursus Lead Accessor ISMS (ISO/IEC 27001:2022) – anjuran SIRIM Academy Berhad	September 2024 hingga Februari 2025	

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan diminta mengambil maklum dan perhatian:

1. **keperluan melaksanakan penambahbaikan secara berterusan** dan melaporkan dalam MKSP bagi mematuhi keperluan Standard MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013;
2. **Sebanyak 32 peluang penambahbaikan QMS** dan **1 peluang penambahbaikan ISMS** yang telah direkodkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

Terima Kasih